



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

Rujukan kami : KPKK(R)100-1/5/4 Jld. 3 (27)
Tarikh : 16 November 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**SURAT EDARAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
BILANGAN 3 TAHUN 2022: PERINGATAN KESELAMATAN
BERHUBUNG KEPENTINGAN MELINDungi MAKLUMAT, SISTEM DAN
ASET ICT JABATAN**

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berkaitan perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan telah mengeluarkan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) serta surat-surat pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa yang mengandungi peraturan dan langkah-langkah kawalan keselamatan perlindungan bagi menjamin keselamatan maklumat, sistem dan aset ICT Jabatan.

'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'



ISO 9001-0048595



Certified to ISO 22301:2019
CERT NO.: 014-BC005

3. Sebagai langkah peringatan, selaras dengan perenggan 31, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017), Ketua Jabatan hendaklah mengambil langkah keselamatan perlindungan menurut peruntukan-peruntukan dalam Arahan tersebut supaya rahsia rasmi dan perkara rasmi yang ada di Jabatan dikawal dengan sempurna pada setiap masa. Ini termasuklah melaksanakan arahan-arahan tambahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.
4. Seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (4IR), kemunculan teknologi baharu dilihat banyak memberikan manfaat besar dalam usaha pendigitalan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Realiti baharu ini secara tidak langsung turut merubah landskap keselamatan yang menjadi semakin dinamik dan kompleks selain risiko-risiko yang berkaitan turut berkembang.
5. Justeru itu, bagi menjamin keselamatan aset ICT dan kesiapsiagaan menghadapi ancaman siber, Jabatan hendaklah memperkuuhkan kawalan keselamatan perlindungan ke atas sistem sedia ada dan sistem baharu dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - a) Memperkuuhkan **kawalan kod sumber** (*source code*) seperti menetapkan kawalan akses (*authentication*) dan dihadkan kepada pengguna yang dibenarkan sahaja (*authorization*) bagi mengelakkan fungsi aplikasi ditambah, diubahsuai atau dimanipulasi tanpa izin serta bagi mengelakkan perubahan yang tidak disengajakan;

- b) Memastikan kod sumber sistem aplikasi menjadi hak milik atau diserahkan kepada Kerajaan bagi tujuan **pengauditan keselamatan dan memudahkan penyelenggaraan sistem** di pihak Kerajaan kelak. Terma-terma dalam kontrak perjanjian berkenaan dengan pemilikan atau akses kod sumber kepada Kerajaan perlu dinyatakan dengan jelas;
- c) Memastikan sistem pengoperasian (OS) pelayan (server), perkakasan, perisian dan perkhidmatan yang terlibat dalam projek pembangunan dan sistem aplikasi sedia ada dikemas kini dengan versi terkini terutamanya yang melibatkan isu keselamatan;
- d) Memastikan sistem yang dibangunkan menggunakan pendekatan *secure coding practice* bagi menjamin keselamatan sistem. Sebagai contoh, Arahan Teknologi Maklumat, Guidelines for Secure Software Development Life Cycle (SSDLC), dokumen Open Web Application Security Project (OWASP) dan lain-lain dokumen amalan terbaik keselamatan yang boleh dijadikan rujukan;
- e) Melaksanakan penilaian risiko secara berterusan dan Security Posture Assessment (SPA) ke atas aset atau sistem ICT Jabatan bagi memantau dan mengesan sebarang kerentanan keselamatan (*security flaws and vulnerability*) dari semasa ke semasa. Jabatan **hendaklah dengan segera** merancang dan melaksanakan tindakan pengukuhan terhadap kelemahan sistem yang dikesan tersebut. Ini bagi memastikan kawalan

keselamatan yang disediakan **mencukupi, sentiasa berfungsi, efektif dan terkini** untuk menangani ancaman siber;

- f) Pelan Pemulihan Bencana (DRP) juga hendaklah didokumenkan, disemak, diuji, dinilai, dikemas kini, dilaksanakan dan dipantau bagi menjamin fungsi dan perkhidmatan kritikal Jabatan dapat dipulihkan dengan segera sekiranya berlaku gangguan dan bencana;
- g) Kaedah dan metodologi pembangunan sistem hendaklah mengikut dasar / peraturan semasa dan dilaksanakan di dalam persekitaran yang selamat dan menggunakan sumber ICT yang terkawal;
- h) Memastikan proses pelupusan (sanitasi) data / maklumat pada media storan hendaklah dilaksanakan secara selamat mengikut keperluan Jabatan selaras dengan Arahan/Pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa; dan
- i) Langkah kawalan di atas adalah mengikut kepada amalan terbaik keselamatan, peraturan semasa yang berkuat kuasa dan tidak terhad kepada yang disenaraikan sahaja. Ia hendaklah sentiasa dikemas kini dan dibuat penilaian keselamatan dari semasa ke semasa bagi memastikan kawalan yang disediakan oleh Jabatan sentiasa relevan dan berdaya tahan untuk menangani ancaman siber.

6. Kerjasama dan perhatian serta tindakan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dalam usaha memperkasakan dan menjamin keselamatan maklumat, sistem dan aset ICT Jabatan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHIMI BIN ISMAIL)

s.k.:

- 1. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali**
Ketua Setiausaha Negara
- 2. YBhg. Dato' Sollehudin Alyubi bin Zakaria**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri

SENARAI EDARAN KEMENTERIAN:

1. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
2. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
6. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
7. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengkutan
8. Ketua Setiausaha
Kementerian Alam Sekitar dan Air
9. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
10. Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
11. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
12. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

13. Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
14. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
15. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
16. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
17. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
18. Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
19. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
20. Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
21. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
22. Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
23. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
24. Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

25. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

26. Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

27. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan

SENARAI EDARAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI:

28. Setiausaha Kerajaan Sarawak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

29. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

30. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

31. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

32. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

33. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah

34. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

35. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

36. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
37. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
38. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
39. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
40. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak